



PEJABAT DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Pakej Rangsangan Selangor Prihatin Covid-19 20hb Mac 2020

Kerajaan Negeri Selangor memandang serius penularan Wabak Covid-19 yang kini sudah dikategorikan sebagai satu pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang memaksa Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan suatu langkah drastik iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan untuk memutuskan rantai jangkitan wabak tersebut.

Perintah Kawalan Pergerakan itu semestinya memberi kesan kepada kehidupan seharian rakyat Malaysia umumnya dan rakyat Negeri Selangor khususnya.

Justeru untuk mengurangkan beban kehidupan dan kesulitan ekonomi akibat dari PKP itu, Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan suatu pakej rangsangan yang dikenali sebagai Pakej Selangor Prihatin.

Berikut adalah inisiatif tersebut:

1. Menghargai Petugas Barisan Hadapan Menangani Wabak Covid-19

Kerajaan Negeri menginsafi betapa petugas-petugas kesihatan bertungkus lumus berkhidmat dan ada di antara mereka terus bertugas tanpa cuti dihimpit kemelut wabak ini. Oleh yang demikian, pentadbiran ini meluluskan satu insentif one-off sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) kepada enam ribu (6,000) petugas yang dikenalpasti terlibat di hospital-hospital seluruh Selangor. Bantuan makanan ini akan berterusan sehingga 31 Mac 2020. Peruntukan ini berjumlah Ringgit Malaysia Satu Perpuluhan Dua Juta (RM1.2 juta).



PEJABAT DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

2. **Bantuan Kepada Penjaja/ Berniaga Berlesen**

Pengecualian sewa akan diberikan kepada lapan puluh ribu (80,000) penjaja dan peniaga berlesen dalam premis bagi meringankan beban akibat kehilangan punca pendapatan utama (RM 12 juta). Turut disediakan adalah pemberian khas one-off sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) bagi melancarkan aliran tunai masing-masing (RM 40 juta). Permohonan untuk pemberian tersebut akan mula dibuka mulai 1 April 2020 sehingga 30 April 2020. Penyaluran pemberian khas akan dilaksanakan selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan. Keseluruhan inisiatif ini akan mengakibatkan kos sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Dua Juta (RM52 juta).

3. **Meringankan Beban Usahawan Skim HIJRAH Selangor**

Penangguhan serta-merta bayaran balik pinjaman sebanyak tiga (3) bulan ansuran kepada semua empat puluh ribu (40,000) peminjam HIJRAH. Beban kewangan yang akan ditanggung Kerajaan Negeri adalah sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Juta (RM70 juta).



PEJABAT DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

4. Memudahcara Urus Diri Mahasiswa

Mengambil kira saranan MKN, pelajar-pelajar Selangor yang menuntut di Institusi-institusi Pendidikan Tinggi tidak lagi dibenarkan pulang ke halaman masing-masing. Dengan itu, bagi memudahcara urus diri mahasiswa-mahasiswa Selangor yang terpaksa kekal di IPT masing-masing di Sabah dan Sarawak, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menyediakan bantuan sara diri one-off sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) bagi dua ribu lima ratus (2,500) pelajar yang terkesan dengan larangan pulang tersebut.

Manakala bagi pelajar-pelajar Selangor di tempat lain khususnya di UNISEL, KUIS, dan Kolej INPENS, Program Makanan Percuma akan dilaksanakan bermula 22 Mac hingga 31 Mac 2020 bagi mahasiswa/i yang terpaksa kekal di kampus masing-masing. Keseluruhan bantuan ini bernilai Ringgit Malaysia Dua Perpuluan Tiga Juta (RM2.3 juta).

5. Meringankan Beban Peserta Skim Smart Sewa

Pentadbiran ini meluluskan penangguhan bayaran sewa sebanyak tiga (3) bulan ansuran untuk dua ribu tujuh ratus (2,700) penyewa dengan kos sebanyak Ringgit Malaysia Enam Ratus Ribu (RM600,000).



PEJABAT DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

6. Penggunaan Khas Peruntukan Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor

Kelonggaran skop peruntukkan akan diberikan kepada setiap ADN dengan anggaran kira-kira Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) kepada semua lima puluh enam (56) ADN di seluruh Selangor untuk sebarang perbelanjaan aktiviti Mesra Rakyat khusus untuk keperluan harian individu / keluarga yang terkesan. Peruntukan minimum untuk inisiatif ini berjumlah Ringgit Malaysia Satu Perpuluhan Enam Lapan Juta (RM1.68 Juta).

7. Pelanjutan Tempoh Akhir Bayaran Cukai Tanah / Petak dari 31 Mei 2020 kepada 30 Jun 2020

Kelonggaran turut diberikan kepada semua pembayar cukai untuk melewatkan pembayaran cukai tanah / petak selama satu (1) bulan tanpa sebarang bebanan kos pada pihak Kerajaan Negeri.

PENUTUP

Jumlah keseluruhan Pakej Rangsangan Selangor Prihatin adalah sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Tujuh Perpuluhan Tujuh Lapan juta (RM127.78 juta)

Pembiayaan tersebut adalah daripada Perbendaharaan Negeri serta sumbangan CSR anak-anak syarikat Selangor.



PEJABAT DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Kerajaan Negeri akan mencuba sebaik mungkin bagi meringankan beban rakyat serta menampun (cushion) derita kewangan mereka yang terkesan. Kerajaan Negeri prihatin dan bersedia mendengar sebarang cadangan untuk menambahbaik perbelanjaan fiskal negeri demi kemaslahatan rakyat.

Sebelum saya mengakhiri pengumuman ini, marilah kita menadah tangan seraya berdoa sebentar untuk kesejahteraan semua:

Bismillahillazi La Yadurru Ma'asmihi Shai'un Fil Ardhi Wa La Fis Sama'i Wa Huas Sami'ul A'lim

Allahumma Inna Naudzu Bika Minal Barosi Wal Jununi Wal Juzami Wa Min Sayyi'l Asqami

“Ya Allah kami berlindung denganmu daripada penyakit sopak, penyakit gila, penyakit kusta dan daripada segala penyakit berbahaya yang lain”.

Semoga Allah merahmati usaha kita.

YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor